

Berita Minggu, Ahad, 28 Mac, 1982

Berjasa Perak alu2kan tawaran PM

TAIPING, Sabtu — Berjasa Negeri Perak mengalu-alukan tawaran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad kepada Parti PAS supaya kembali semula ke dalam Barisan Nasional (BN), untuk kepentingan bangsa, agama dan tanahair.

Demikian Timbalan Pesuruhjaya Berjasa Ketiga Perak, Encik Mohd. Ali bin Osman, memberitahu.

Perdana Menteri, tatkala berucap di perjumpaan dengan ahli-ahli UMNO Bahagian Besut, Trengganu, kelmarin berkata, pucuk pimpinan PAS, Datuk Asri bin Haji Muda, sewajarnya dapat menimbang dengan fikiran terbuka dan ikhlas untuk menjamin serta mengukuhkan perpaduan ummah agar ber-

sama-sama dapat menghadapi cabaran politik, keselamatan dan ekonomi negara.

Menurut Encik Mohd Ali, tawaran Perdana Menteri itu membuktikan betapa jujur dan ikhlasnya beliau inginkan Melayu bersatu dalam keadaan politik sekarang.

"Berjasa ditubuhkan sebagai usaha mendamaikan pergeseran ummah, serta menenangkan pergolakan politik tanahair agar umat Islam kembali bersatu-padu demi meningkatkan prestasi dan maruah bangsa, agama dan tanahair.

"Kita tidak mahu ayam di jelang padi mati kelaparan, itik di air mati kehausan, atau menang sorak kampung tergadai, kiranya peristiwa seumpama itu berlaku," tegasnya